

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), seperti mana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, menyusuli pengumuman hasil dapatan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah pada 03 Disember 2014, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS). Jawatankuasa ini terbahagi kepada dua (2) *tier* iaitu, Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah yang dipengerusikan bersama oleh YAB Menteri Dalam Negeri dan YAB Ketua Menteri Sabah serta Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah yang dipengerusikan oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, Timbalan Ketua Menteri Sabah.

Semenjak JKPWAS ditubuhkan, Kerajaan telah menggiatkan tindakan penguatkuasaan serta pengusiran ke atas pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah. Kesungguhan JKPWAS untuk mengatasi isu PATI ini dapat dilihat melalui jumlah pengusiran yang tinggi pada tahun 2015 iaitu sebanyak 27,769 orang yang merupakan angka tertinggi semenjak tahun 1990. Secara keseluruhannya, jumlah pengusiran daripada tahun 1990 sehingga 12 Mei 2016 pula adalah seramai 539,393 orang. Kerajaan juga bekerjasama dengan Kedutaan Filipina bagi memastikan pihaknya mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan (*Travel Documents-TD*) kepada tahanan yang hendak diusir ke negara asal. Kerjasama ini menghasilkan impak yang positif yang mana dokumen tersebut dapat dikeluarkan dalam tempoh dua (2) hingga tiga (3) minggu berbanding dua (2) hingga tiga (3) bulan sebelum ini semenjak pelaksanaannya pada Januari 2016.

Berhubung dengan penambahbaikan dokumen pengenalan diri di Sabah

pula, Kerajaan telah memperkenalkan penggunaan terma 'Rekod Kelahiran' bagi dokumen pendaftaran kelahiran Bukan Warganegara di Sabah yang telah berkuat kuasa pada 15 September 2015 . Oleh itu, terma 'Sijil Kelahiran' pada dokumen pendaftaran negeri Sabah hanya akan dikhususkan kepada Warganegara sahaja.

Bagi menjawab soalan (b), berhubung dengan saranan penarikan semula Kad Pengenalan Warganegara (MyKad), ia pastinya memerlukan penelitian yang terperinci. Ini juga mengambil kira laporan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah yang menyebut bahawa cadangan seumpamanya yang pernah dikemukakan oleh beberapa orang saksi Suruhanjaya Siasatan tidak meneliti akibat-akibat dari segi perundangan dan perlembagaan. Selain itu, berkenaan dengan cadangan pengeluaran semula Kad Pengenalan Sabah pula, Suruhanjaya Siasatan juga telah memberikan ulasan bahawa dalam ketiadaan butir-butir tentang mekanisme yang terlibat, cadangan tersebut dilihat sebagai tidak mempunyai asas .

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk meneliti cadangan ini dengan penuh berhati-hati bagi memastikan tiada jualah ia menggugat keselamatan, ketenteraman awam, kelangsungan dan kesejahteraan rakyat Sabah.